

Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil:

Surah al-Baqarah (2: 40-46)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46). Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Siri 8.* Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-76-8 .

Abstract

Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46) Siri 8 ini merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT mewasiatkan beberapa perkara kepada kaum Bani Israil dalam rangka hubungan mereka dengan Nabi Muhammad SAW, Islam, dan umat Islam. Artikel ini cuba menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 40-46) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa terdapat beberapa wasiat Allah SWT kepada Kaum Bani Israil dari segi tuntutan mereka untuk memenuhi janji mereka untuk berpegang teguh kepada Kitab Taurat yang menyuruh mereka beriman kepada Nabi Muhammad dan memeluk Islam, mengerjakan solat, menge luarkan zakat, bersolat berjemaah, dan mengamalkan terlebih dahulu semua perkara yang diajar dan didakwahkan kepada orang ramai, memohon pertolongan dengan sabar dan solat, serta menyakini untuk bertemu dengan Allah SWT selepas kematian. Semua perintah ini juga sebagaimana yang dilakukan oleh Islam yang mereka juga dituntut untuk melakukan perkara yang sama. Hanya dengan melakukan perkara ini sahaja kaum Bani Israil akan mendapat keampunan, keredaan, dan balasan syurga, jika tidak mereka akan mendapat lagnat, kemurkaan, dan siksaan yang kekal abadi dalam neraka.

References

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu‘aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu‘ay al-Arna’ut & ‘Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu’assah al-Risalah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*. Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2003. *Al-Bahr al-Zikhar al-Ma’Ruf bi Masnад al-Bazzar*. Al-Mosul: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanabi wa Ayyamabi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Marwazi, Muhammad. 1986. *Ta‘zim Qadr al-Salah*. ‘Abd Al-Rahman ‘Abd Al-Jabbar Al-Fariwa’i (Ed.). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Dar.
- Al-Mulla Ali al-Qari, ‘Ali. 2002. *Mirqat al-Mafatih Sharh Miskat al-Masabih*. Jld. 1-9. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami‘ bayan al-ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad ‘Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Shajari, Yahya al-Murshid Billah. 2001. *Tartib al-Amali al-Khamisiyyah li al-Shajari*. Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma’il (Ed.). Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu‘jam al-Kabir*. Hamdi ‘Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu‘jam al-Ausat*. ‘Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin ‘Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.

- Al-Tirmidhi, Muhammad ‘Isa. 1998. *Al-Jami‘ al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar ‘Awad Ma‘ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn ‘Abbas, Abdullah ‘Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu ‘Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya‘kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub ‘Imiyah.
- Ibn ‘Asakir, ‘Ali al-Hasan. 1979. *Zamm Man la Ya‘mal bi ‘Ilmihi*. Muhammad Muti‘ al-Hafiz (Ed.). Damshiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Abi ‘Asim, Abu Bakr. 1991. *Al-Ahad wa al-Mathani*. Basam Faysal Ahmad al-Jawabirah (Ed.). Jld. 1-6. Al-Riyad: Dar al-Rayat.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A‘zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Hibban, Muhammad. 1988. *Al-Ihsan fi Taqrib Sahih ibn Hibban*. Shu‘aib Al-Arnau’t (Ed.). Jld. 1-18. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami‘ al-Bayan fi Ta‘wil al-Quran*. ‘Abdullah bin ‘Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hibr li al-Tiba‘ah wa al-Nasr wa al-Tawzi‘ wa al-I‘lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu‘ayb Al-Arnau’t, ‘Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & ‘Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Keutamaan Adam AS dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Surah al-Baqarah (2: 30-39)*. Jld. 7. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Perseteruan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Kertas Kerja dalam Siri 10: Program Budaya al-Quran, 25hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas Kerja dalam Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Jld. 8. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.

Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
Sufyan al-Thawri, Sa'id. 2004. *Min Hadiht al-Imam Sufyan bin Sa'id al-Thawri*. 'Amir Hasan Sabri (Ed.). T.T.: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.

SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN

Siri 8

Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil
Surah *al-Baqarah* (2: 40-46)

Kamarul Azmi Jasmi

SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN

Siri 8

**Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil
Surah *al-Baqarah* (2: 40-46)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama 2021
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengakatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

WASIAT ALLAH SWT KEPADA BANI ISRAIL: SURAH AL-BAQARAH
(2:40-46) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN; SIRI 8)

ISBN 978-967-2171-76-8

1. Qur'an. Surat al-Baqarah-Criticism, interpretation, etc.

2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.

3. Qur'an-Translating.

4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI

Fakulti Tamadun Islam

UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	vi
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	3
Tafsiran <i>al-Baqarah</i> (2: 40-41)	3
Tafsiran <i>al-Baqarah</i> (2: 42-43)	14
Tafsiran <i>al-Baqarah</i> (2: 43)	16
Tafsiran <i>al-Baqarah</i> (2: 44)	18
Tafsiran <i>al-Baqarah</i> (2: 45-46)	29
Pengajaran Ayat	40
Perintah Allah SWT kepada Bani Israil untuk memeluk Islam	40
Perintah Allah SWT untuk Tidak Menjual Agama dengan Harta Dunia	41
Perintah Allah SWT untuk Mendirikan Solat, Bersolat Secara Berjemaah, dan Menunaikan Zakat	41
Perintah Allah SWT untuk Mengamalkan Sesuatu Perintah Sebelum Menyuruh Orang Ramai Melakukannya	41
Perintah untuk Bersabar dan Melaksanakan Solat	42
Perintah untuk Solat dengan Khusyuk	43
Rumusan	44
Rujukan	45
Indeks	48

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawarkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaeadah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian

tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraihan tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2019

PENGENALAN

Selepas Allah SWT menceritakan tentang kisah penciptaan Adam AS dan keengganan Iblis untuk sujud hormat kepada baginda Adam AS (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018a), Allah SWT menceritakan pula tentang kisah Bani Israil dari aspek nikmat-Nya yang diberikan kepada mereka, perintah-Nya kepada mereka berkaitan dengan Islam, solat, dan mempersoalkan tentang sifat keji mereka berhubungan dengan kitab yang diturunkan kepada mereka (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018b). Firmannya:

يَبْنِي إِسْرَائِيلَ اذْكُرُوا نِعْمَتِي الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَوْفُوا بِعَهْدِي
أُوفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّى فَارَهَبُونِ ﴿٣﴾ وَءَامِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا
لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِ وَلَا تَشْرُوْا بِإِيمَانِي
ثُمَّا قَلِيلًا وَإِيَّى فَاتَّقُونِ ﴿٤١﴾ وَلَا تَلِسُوا الْحَقَّ بِالْبَطْلِ وَتَكْتُمُوا
الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُوَةَ
وَارْكَعُوا مَعَ الرَّكِعَيْنَ ﴿٤٣﴾ أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْمُّرِّ
وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتَلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

وَأَسْتَعِنُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۖ وَإِنَّهَا لِكَبِيرَةٍ إِلَّا عَلَى الْخَيْشُونَ ۚ

الَّذِينَ يَضْنَوْنَ أَنَّهُمْ مُلَاقُوا رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ۚ

Maksud: Wahai Bani Israil! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang Kuberikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) dengan-Ku, supaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain). (40). Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (al-Quran) yang mengesahkan benarnya Kitab yang ada pada kamu, dan janganlah kamu menjadi orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan dia; dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-Ku (sebagai harga untuk) membeli kelebihan yang sedikit faedahnya; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertaqwa. (41). Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya. (42). Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk. (43). Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal? (44). Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan solat; dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali kepada orang yang khusyuk; (45) (Iaitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya. (46)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 40-46)

Buku ini akan mengupas keseluruhan ayat surah *al-Baqarah* (2:40-46). Pada bahagian akhir buku terdapat pengaran ayat sebelum satu rumusan dibuat pada bahagian paling akhir.

TAFSIRAN AYAT

Untuk bahagian ini, tafsiran ayat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 40-41), *al-Baqarah*, (2: 42-43), dan akhir sekali ialah surah *al-Baqarah* (2: 44).

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 40-41)

Wasiat pertama Allah SWT kepada Bani Israil berkaitan dengan beberapa perkara yang menyentuh tentang nikmat Allah SWT kepada mereka, perjanjian, keimanan terhadap Nabi Muhammad, dan tidak menjadi kitab Allah SWT sebagai barang murah. Firman Allah SWT tentang wasiat tersebut sebagaimana firman-Nya:

يَبْنِي إِسْرَائِيلَ اذْكُرُوا نِعْمَتَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَوْفُوا بِعَهْدِي
 أُوفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّى فَارَهُبُونَ ﴿٤٠﴾ وَءَامِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا
 لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِ وَلَا تَشَرُّوْا بِإِيمَانِكُمْ
 ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّى فَاتَّقُونَ ﴿٤١﴾

Maksud: Wahai Bani Israil! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang Kuberikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) dengan-Ku, supaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain). (40). Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (*al-Quran*) yang mengesahkan

benarnya Kitab yang ada pada kamu, dan janganlah kamu menjadi orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan dia; dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-Ku (sebagai harga untuk) membeli kelebihan yang sedikit faedahnya; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertaqwa. (41).

(Surah *al-Baqarah*, 2: 40-41)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/241) menjelaskan tafsiran ini dengan menjelaskan bahawa Allah berfirman seraya memerintahkan kepada kaum Bani Israil untuk masuk Islam dan mengikuti Nabi Muhammad SAW serta membangkitkan perasaan mereka dengan menyebutkan nenek moyang Israil, iaitu Nabi Allah Ya'qub AS. Ayat ini seakan-akan ingin menyatakan, "Hai anak hamba yang soleh lagi taat kepada Allah SWT, jadilah kamu seperti nenek moyang kamu dalam mengikuti perkara yang hak." Israil adalah merujuk kepada Nabi Ya'qub sendiri, sebagai dalilnya ialah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh (Ahmad, 2001: 2514):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: حَضَرَتْ عِصَابَةً مِنَ الْيَهُودِ نَيَّرَ اللَّهَ فَقَالَ لَهُمْ: "هَلْ تَعْلَمُونَ أَنَّ إِسْرَائِيلَ يَعْقُوبُ؟". قَالُوا: اللَّهُمَّ نَعَمْ. فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "اللَّهُمَّ اشْهُدْ".

Maksud: Abdullah Ibn 'Abbas yang menceritakan hadis berikut: Segolongan orang Yahudi datang menghadap kepada Nabi SAW., lalu Nabi SAW berkata kepada mereka, "Tabukah kamu bahawa Israil adalah Ya'qub?" Mereka menjawab, "Ya Allah! memang benar." Nabi SAW berkata, "Ya Allah, saksikanlah."

(Ahmad)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/241) berkata, Allah SWT berfirman dengan maksud, “Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang Kuberikan kepada kamu (Surah *al-Baqarah*, 2: 40-41)” dengan memetik beberapa pendapat tentang nikmat Allah SWT tersebut, iaitu:

- (1) Mujahid: Dipecahkan batu besar buat mereka hingga mengeluarkan air untuk minum mereka, diturunkan kepada kaum Bani Israil ialah manna dan salwa, dan mereka diselamatkan dari perbuatan Firaun dan bala tenteranya.
- (2) Abu al-'Aliyah: Menjadikan dalam kalangan mereka banyak nabi dan Rasul dan diturunkan kepada mereka kitab samawi.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/242) menjelaskan bahawa pendapat Abu al-'Aliyah ini sesuai dengan apa yang diperkatakan oleh Nabi Musa AS yang diceritakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ يَأْتِيَنِّي رَبِّي وَرَبُّ الْعِزَّةِ عَلَيْكُمْ
 إِذْ جَعَلَ فِيهِمْ كُلَّ أَنْبِيَاءَ وَجَعَلَ كُمْ مُّلُوكًا وَأَتَكُمْ مَا لَمْ يُؤْتُتْ
 أَحَدًا مِّنَ الْعَالَمِينَ ﴿٢٠﴾

Maksud: *Dan (ingatkanlah mereka wahai Muhammad), ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: “Wahai kaumku! Kenangkan nikmat Allah (Yang diberikan) kepada kamu ketika Ia menjadikan dalam kalangan kamu beberapa orang Nabi, dan Ia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhamba oleh Firaun dan orangnya), dan Ia memberikan kepada kamu barang yang tidak pernah diberikan kepada seseorang pun dari umat-umat (yang ada pada masa itu).”* (20)

(Surah *al-Ma''idah*, 5: 20)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/241) seterusnya menjelaskan bahawa tafsiran dengan maksud, “Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang Kuberikan kepada kamu (Surah *al-Baqarah*, 2: 40-41)” tersebut menurut (Ibn ‘Abbas, t.th.: 1/8) membawa maksud, iaitu cubaan-Ku yang ada pada kamu, juga yang Aku turunkan kepada nenek moyang kamu ketika mereka diselamatkan dari dikejar oleh Firaun dan kaumnya. Sedangkan firman Allah SWT seterusnya yang bermaksud, “sempurnakanlah perjanjian (kamu) dengan-Ku (surah *al-Baqarah*, 2: 40)” pula membawa maksud, “janji-Ku yang Aku letakkan ke atas bahu kamu tentang Nabi SAW bila dia datang kepada kamu, nescaya Aku akan menunaikan apa yang Aku janjikan kepada kamu. Janji tersebut ialah kamu bersedia mempercayai Nabi SAW dan mengikutinya. Maka sebagai imbalannya Aku akan menghapuskan semua beban dan belenggu yang berada di bahu kamu kerana dosa kamu yang ada sejak nenek moyang kamu. Menurut al-Hasan al-Basri, janji tersebut adalah yang disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَلَقَدْ أَخَذَ اللَّهُ مِيقَاتِنَا
 إِسْرَاءِيلَ وَعَثَنَا مِنْهُمْ أُثْفَ
 عَشَرَ نَقِيبًا وَقَالَ اللَّهُ إِنِّي مَعَكُمْ لِبِنْ أَقْمَثُ
 الْصَّلَاةَ وَعَاتَتُمُ الرَّكْوَةَ أَمْنَتُمْ بِرُسُلِيْ وَعَزَّزْتُمُوهُمْ
 وَأَقْرَضْتُمُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَا كَفَرَنَّ عَنْكُمْ سِيَّارَاتُكُمْ
 وَلَا دُخْلَكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِيْ مِنْ تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ فَمَنْ
 كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ⑯

Maksud: *Dan demi sesungguhnya! Allah mengambil perjanjian setia Bani Israil (supaya mereka menjunjung perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya), dan Kami utuskan dari kalangan mereka dua belas ketua (untuk memimpin golongan masing-masing); dan Allah berfirman (kepada mereka), 'Bahawa Aku adalah beserta kamu (memerhati segala-galanya). Demi sesungguhnya jika kamu dirikan solat, serta kamu tunaikan zakat, dan kamu beriman dengan segala Rasul (utusanku) serta menolong bantu mereka (dalam menegakkan agama Allah), dan kamu pinjamkan Allah (dengan sedekah dan berbuat baik pada jalan-Nya) secara pinjaman yang baik (bukan kerana riak dan mencari keuntungan dunia), sudah tentu Aku akan ampunkan dosa kamu, dan Aku akan masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Oleh itu, sesiapa yang kufur ingkar di antara kamu sesudah yang demikian, maka sesungguhnya sesatlah ia dari jalan yang betul" (12)*

(Surah *al-Ma''idah*, 5: 12)

Sedangkan para ulama yang lain pula menyatakan bahawa janji tersebut adalah yang diambil oleh Allah SWT ke atas diri mereka dalam kitab Taurat, bahawa Allah SWT kelak akan mengutus seorang nabi yang besar dan ditaati oleh semua bangsa dalam kalangan Bani Ismail; nabi yang dimaksudkan adalah Nabi Muhammad SAW. Barang siapa yang mengikutinya, nescaya Allah SWT akan mengampuni dosanya dan memasukkannya ke dalam syurga serta memberikan kepadanya dua pahala (Ibn al-Kathir, 1999: 1/242). Imam Al-Razi (1999: 3/474) dalam menafsirkan ayat ini mengetengahkan banyak berita gembira yang disampaikan oleh para nabi terdahulu mengenai kedatangan Nabi Muhammad. Manakala bagi Abu al-'Aliyah pula bahawa janji Allah SWT kepada hamba-Nya yang dimaksudkan oleh ayat ialah agama Islam dan mereka diharuskan mengikutinya.

Potongan ayat seterusnya yang bermaksud, "supaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu (Surah *al-Baqarah*, 2: 40) menurut Ibn 'Abbas (t.th.: 1/8) membawa maksud, "nescaya Aku reda kepada kamu

dan akan memasukkan kamu ke dalam syurga.” Hal yang sama dikatakan oleh al-Saddi, al-Dahhak, Abu al-‘Aliyah, dan al-Rabi’ ibn Anas.

Potongan terakhir firman Allah SWT yang bermaksud, “dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain) (Surah *al-Baqarah*, 2: 40)” menurut Abu al-‘Aliyah, al-Suddi, al-Rabi’ ibn Anas, dan Qatadah dengan maksud, “takutlah kamu kepada-Ku. Manakala potongan ini menurut Ibn ‘Abbas membawa maksud, “takutlah kamu bila Aku nanti menurunkan kepada kamu apa yang pernah Aku turunkan kepada nenek moyang kamu pada masa silam, iaitu berupa berbagai macam siksaan dan azab yang kamu ketahui sendiri, antara lain ialah kutukan dan azab.”

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/242) menjelaskan bahawa apa yang diungkapkan oleh ayat ini mengandung pengertian targhib (anjuran) yang seterusnya disertakan pula dengan pengertian tarhib (peringatan). Hal ini bermaksud bahawa Allah SWT menyeru mereka dengan ungkapan anjuran dan peringatan, sekiranya mereka mahu kembali ke jalan yang hak dan mengikuti Rasul SAW, mengikuti nasihat daripada al-Quran dan larangannya, serta mengerjakan perintahnya dan percaya kepada berita yang disampaikannya. Allah akan memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus. Oleh kerana itu, maka Allah SWT berfirman pada ayat selanjutnya, iaitu melalui firman-Nya:

وَإِمْنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ

Maksud: *Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (al-Quran) yang mengesahkan benarnya Kitab yang ada pada kamu.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 41)

Ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/242) membawa maksud al-Quran, iaitu kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad yang merupakan seorang nabi yang ummi dalam kalangan bangsa Arab.

Dalam al-Quran tersebut terdapat pelbagai berita gembira, peringatan, serta petunjuk yang bukan untuk sahaja memberi penerangan, tetapi juga mengandungi perkara yang hak daripada Allah SWT. Selain itu, al-Quran tersebut juga membenarkan apa yang diturunkan sebelumnya, iaitu kitab Taurat dan Injil. Bagi Abu al-'Aliyah pula menyatakan bahawa maksud ayat ini ditakwilkan sebagai berikut, "Wahai golongan ahli kitab, berimanlah kamu kepada al-Quran yang Aku turunkan. Dalam al-Quran tersebut terkandung keterangan yang membenarkan apa yang ada dalam kitab kamu." Kenapa dikatakan demikian kerana mereka menjumpai nama Nabi Muhammad SAW tertulis dalam kitab mereka, iaitu kitab Taurat dan Injil.

Seterusnya Allah SWT memerintahkan kepada Bani Israil dengan perintah-Nya yang terdapat dalam firman-Nya:

وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِ

Maksud: *Dan janganlah kamu menjadi orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan dia*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 41)

Ayat ini menurut Ibn 'Abbas (t.th.: 1/8) membawa maksud, "janganlah kamu merupakan orang pertama yang kafir kepada Nabi Muhammad." Ayat ini ditakwilkan demikian kerana orang Yahudi mengetahui mengenai kedatangan Nabi Muhammad SAW yang tidak diketahui oleh orang lain selain daripada mereka. Seterusnya, Abu al-'Aliyah menyatakan ayat ini membawa maksud, "janganlah kamu menjadi orang pertama yang kafir kepada Muhammad SAW, iaitu dia sejenis dengan kamu yang juga mempunyai al-Kitab (al-Quran), maka janganlah kamu kafir kepadanya sesudah kamu mendengar kerasulannya. Akan tetapi, Ibn Jarir (2001: 1/600) memilih pendapat yang menyatakan bahawa kata ganti dalam ayat, iaitu *bihi* (بِهِ) merujuk kepada al-Quran

yang disebut dalam kalimat sebelumnya, iaitu *bima anzaltu* (بِمَا أَنْزَلْتُ), iaitu apa yang Aku turunkan. Tetapi kedua pendapat tersebut sama ada kembali kepada Muhammad SAW atau al-Quran, kedua-duanya adalah benar dan dianggap sebagai saling menguatkan antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana orang yang kafir kepada al-Quran bererti dia juga kafir kepada Nabi Muhammad SAW. Begitu juga, orang yang kafir kepada Nabi Muhammad SAW bererti dia kafir kepada al-Quran.

Adapun mengenai firman-Nya yang bermaksud, “orang pertama yang kafir (ingkar) akan dia,” ertinya orang pertama yang kafir kepadanya dalam kalangan Bani Israil kerana Allah SWT mengingatkan mereka bahawa banyak orang yang kafir kepada baginda SAW yang lebih dahulu daripada mereka, iaitu dalam kalangan orang kafir Quraisy dan lain-lainnya dalam kalangan orang Arab. Oleh itu, makna yang dimaksudkan daripada kalimat “janganlah kamu merupakan orang pertama yang kafir kepadanya”, iaitu, “hanya kaum Bani Israil sebagai orang pertama kafir kepadanya.” Kenyataan ini mengingatkan orang Yahudi Madinah bahawa mereka merupakan orang pertama dalam kalangan Bani Israil yang diajak berbicara oleh al-Quran. Kekafiran mereka bererti menyimpulkan bahawa mereka adalah orang pertama kafir kepadanya dalam kalangan ahli kitab.

Seterusnya, perintah Allah SWT kepada Bani Israil ialah tentang jangan ambil mudah tentang kitab Allah SWT sebagaimana yang terdapat dalam firman-Nya:

وَلَا تَشْرُكْ بِأَيْتِيْ ثَمَنَاقِيلًا

Maksud: *dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-Ku (sebagai harga untuk) membeli kelebihan yang sedikit faedahnya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 41)

Ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/243) membawa maksud, “janganlah kamu menukar keimanan kepada ayat-Ku dan percaya kepada Rasul-Ku (Nabi Muhammad SAW) dengan harta keduniawian dan kelazatannya. Hal ini kerana, harta dunia itu jika dinilai di sisi Allah SWT adalah terlalu sedikit dan tidak ada sebarang erti. Bahkan harta dunia dan kelazatannya tersebut pula bersifat akan binasa apabila dibandingkan dengan pahala di akhirat yang kekal dan abadi. Ringkasnya, pengertian *samanan qalila* (ثُمَّا قَلِيلٌ) dalam kalangan sahabat dan tabiin serta ahli tafsir ialah:

- (1) Al-Hasan al-Basri: Dunia dan segala isinya.
- (2) Saad Ibn Jubair: Duniawi dan segala kesenangannya.

Sedangkan tafsiran keseluruhan ayat yang bermaksud, “janganlah pula kamu menjadikan ayat-Ku (sebagai harga untuk) membeli kelebihan yang sedikit faedahnya” dalam kalangan ulama tafsir pula bermaksud:

- (1) Al-Suddi: Janganlah kamu mengambil keinginan yang sedikit dan janganlah kamu menyembunyikan asma Allah. Hal ini kerana ketamakan tersebut adalah harganya.
- (2) Abu al-'Aliyah: Menerima upah atasnya. Abu al-'Aliyah menyatakan, bahawa hal ini tertera dalam kitab terdahulu yang ada pada mereka, iaitu, “Hai anak Adam, ajarkanlah ilmu dengan percuma sebagaimana kamu mempelajarinya secara percuma.”
- (3) Pendapat lain: Janganlah kamu menukar penjelasan, keterangan, dan menyiarkan ilmu yang bermanfaat dalam kalangan manusia dengan cara menyembunyikannya dan memutarbalikkan kenyataan, dengan tujuan agar kamu tetap lestari dalam menguasai keduniawian yang sedikit lagi rendah dan pasti lenyap dalam waktu yang dekat itu.

Oleh kerana itu, disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda (Abu Dawud, 2009: 3664; Ibn Majah, 2009: 252):

مَنْ تَعْلَمَ عِلْمًا مِّمَّا يُنْتَجِي بِهِ وَجْهُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَتَعَلَّمُ
 إِلَّا لِيُصِيبَ بِهِ عَرَضًا مِنَ الدُّنْيَا، لَمْ يَجِدْ عَرْفَ الْجَنَّةَ يَوْمَ
 الْقِيَامَةِ» يَعْنِي رِيحَهَا.

Maksud: *Barang siapa yang mempelajari suatu ilmu yang seharusnya diniatkan untuk memperoleh reda Allah, lalu ia mempelajarinya hanya untuk memperoleh sejumlah harta duniaawi, nescaya ia tidak dapat mencium bau syurga kelak di hari kiamat.*

(Abu Dawud dan Ibn Majah)

Berdasarkan hadis ini, mengajarkan ilmu dengan imbalan upah, jika orang yang berkaitan sudah memperoleh gaji, dia tidak boleh lagi mengambil upah daripada orang ramai sebagai imbalannya. Dia hanya diperbolehkan untuk mengambil gaji dari baitulmal dalam jumlah yang cukup untuk keperluan dirinya dan orang yang berada dalam tanggungannya. Namun, sekiranya dia dia tidak memperoleh suatu gaji pun dari baitulmal, sedangkan tugas mengajarnya mengambil banyak waktu hingga dia tidak dapat mencari nafkah, maka kedudukannya sama dengan orang yang tidak menerima gaji, iaitu boleh mengambil upah. Apabila dia tidak menerima gaji, maka ia diperbolehkan mengambil upah mengajar, menurut pendapat Imam Malik, Imam Syafii, Imam Ahmad, dan jumhur ulama. Keadaan ini sama dengan apa yang disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id mengenai kisah seseorang yang disengat binatang yang berbisa, sebagai menjawab pertanyaan seorang sahabat, lalu sabda Nabi SAW yang menyatakan (Al-Bukhari, 2001: 5737):

"إِنَّ أَحَقَّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ"

Maksud: Sesungguhnya upah yang paling berhak kamu ambil atas sesuatu jasa ialah Kitab Allah.

(Al-Bukhari)

Hal yang sama juga seperti yang disabdakan oleh Nabi SAW dalam kisah wanita yang dinikahi, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 5029):

رَوَجْتُكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ.

Maksud: Aku nikahkan kamu dengan dia dengan imbalan mengajarkan al-Quran yang kamu kuasai (hafalannya).

(Al-Bukhari)

Terdapat juga dalil daripada hadis tentang ‘Ubadah bin Samit yang pernah mengajarkan sesuatu dari al-Quran kepada seorang lelaki dalam kalangan ahli suffah, lalu lelaki tersebut menghadiahkan sebuah busur kepadanya. Kemudian ‘Ubadah bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai hal itu, maka Baginda SAW bersabda (Abu Dawud, 2009: 3416; Ibn Majah, 2009: 2157):

إِنْ كُنْتَ تُحِبُّ أَنْ تُطْوَقَ طَوْقًا مِنْ نَارٍ فَاقْبِلْهَا

Maksud: Jikalau kamu kelak suka dibelit oleh busur api neraka, maka terimalah.

(Abu Dawud dan Ibn Majah)

Seandainya hadis ini sahih, maka pengertian yang dimaksud menurut kebanyakan ulama seperti Abu ‘Umar bin Abd al-Barr bahawa Abu Ubadah mengajar demi mengharapkan pahala Allah SWT, maka tidak

boleh baginya menukar pahala Allah SWT dengan busur tersebut. Jika seseorang sejak pertama mengajar biasa menerima upah, maka ia diperbolehkan menerima upah, seperti yang dinyatakan dalam hadis orang yang disengat binatang berbisa dan hadis Sahl mengenai wanita yang dilamar tadi.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/244) dalam menjelaskan ayat yang terakhir daripada surah *al-Baqarah* (2: 41) dalam firman-Nya:



Maksud: *Dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertaqwa. (41).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 40-41)

Imam Ibn Kathir menjelaskan pengertian takwa daripada pandangan Talq ibn Habib yang menyatakan bahawa pengertian takwa itu ialah hendaknya kami mengamalkan ketaatan kepada Allah SWT kerana mengharapkan rahmat Allah SWT atas dasar nur, iaitu petunjuk dari-Nya. Hendaknya kamu meninggalkan perbuatan maksiat kepada Allah SWT atas dasar nur dari-Nya kerana takut terhadap siksa-Nya. Oleh itu, makna ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT mengancam mereka terhadap perbuatan yang sengaja mereka lakukan, iaitu menyembunyikan perkara yang hak dan menampakkan hal yang bertentangan dan menentang Rasul SAW.

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 42-43)

Allah SWT berfirman bagi melarang orang Yahudi untuk melakukan hal yang biasa mereka lakukan pada masa lalu seperti mencampuradukkan antara perkara yang hak dengan perkara yang batil, mencampuradukkan perkara yang batil dengan perkara yang hak, serta menyembunyikan

perkara yang hak dan menzahirkan perkara yang batil. Kenyataan ini sebagaimana firman-Nya:

وَلَا تَبْسُوا الْحَقَّ بِالْبَطْلَ وَتَكُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٦﴾

Maksud: Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya. (42).

(Surah *al-Baqarah*, 2: 42)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/245) menjelaskan bahawa Allah SWT melarang mereka dari kedua-dua perkara tersebut secara bersamaan, dan memerintahkan mereka agar menampakkan perkara yang hak dan menjelaskannya. Oleh kerana itu, Ibn ‘Abbas (t.th.: 1/8) berkata bahawa ayat ini bermaksud, “janganlah kamu memalsukan yang hak dengan yang batil, yang benar dengan kedustaan. Sedangkan Abu al-‘Aliyah pula menjelaskan bahawa ayat ini bermaksud, “janganlah kamu mencampuri yang hak dengan yang batil, dan tunaikanlah nasihat kepada hamba Allah SWT dalam kalangan umat Muhammad SAW.” Manakala Qatadah pula menyatakan bahawa ayat ini bermaksud, “janganlah kamu campur adukkan agama Yahudi dan Nasrani dengan Islam, sedangkan kamu mengetahui bahawa agama Allah SWT itu adalah agama Islam; agama Yahudi dan agama Nasrani itu adalah bidaah, bukan dari Allah SWT. Terdapat juga tafsiran Ibn ‘Abbas yang lain yang menjelaskan maksud ayat ini sebagai, “janganlah kamu menyembunyikan apa yang ada pada kamu mengenai pengetahuan tentang Rasul-Ku dan apa yang diturunkan kepadanya, iaitu al-Quran, sedangkan kamu menemukan hal tersebut termaktub pada sisi kamu melalui apa yang kamu ketahui dari kitab yang ada di tangan kamu. Bagi Mujahid, al-Saddi, Qatadah, dan al-Rabi’ ibn Anas pula berpendapat

bahawa ayat ini yang ada menyatakan jangan menyembunyikan perkara yang hak ialah Nabi Muhammad SAW.

Sebagai kesimpulan, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/245) menjelaskan bahawa lafaz taktumu (وَتَكْتُمُوا) boleh dianggap sebagai *majzum* atau *mansub*. Dengan kata lain, kalimah ini boleh diertikan sebagai, “janganlah kamu menyatakan antara ini dan itu (hak dan batil).” Namun, menurut al-Zamakhsyari bahawa dalam mushaf Ibn Mas‘ud, kalimah ini ditulis sebagai *wataktumunal haqqa* (وَتَكْتُمُونَ الْحَقّ) yang membawa erti sebagai “sedangkan kamu ketika menyembunyikan perkara yang hak itu” bersambung terus dengan ayat *wa antum ta’lamuna* (وَاللّٰهُمَّ تَعْلَمُونَ), iaitu “dalam keadaan mengetahui perkara hak tersebut.” Jika terjemahan ini disambungkan maka jadilah maksud ayat sebagai “sedangkan kamu ketika menyembunyikan perkara yang hak itu dalam keadaan mengetahui perkara hak tersebut.”

Imam Ibn al-Kathir akhirnya menyimpulkan bahawa ayat ini boleh pula diertikan sebagai berikut:

Sedangkan kamu mengetahui akibat perbuatan tersebut, iaitu yang mengakibatkan mudarat yang besar kepada umat manusia. Mudarat yang besar tersebut ialah mereka sesat dari jalan hidayah yang menjerumuskan mereka ke dalam neraka jika mereka menempuh jalan kebatilan yang kamu tampakkan kepada mereka, tetapi kamu mencampuradukkan dengan sesuatu perkara yang hak agar dapat diterima oleh mereka. dan juga kamu warnai dengan penjelasan dan keterangan. Begitu pula sebaliknya, iaitu kamu menyembunyikan yang hak dan mencampuradukkannya dengan yang batil.

Tafsiran ini adalah dianggap tafsiran terlengkap buat ayat surah *al-Baqarah* (2: 42) yang ditujukan kepada kaum Bani Israil ini.

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 43)

Seterusnya Allah SWT menyambung wasiat-Nya kepada kaum Bani Israil agar mereka melakukan amalan yang juga disuruh kepada

umat Islam, iaitu mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Firman-Nya:

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أُوذِنُوا رُدُّوكُوهُ وَارْكِعُوا مَعَ الْرَّكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksud: *Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk. (43).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 43)

Ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/245) berdasarkan pendapat Muqatil ditujukan kepada orang ahli kitab. Perintah dirikan solat merupakan perintah Allah SWT kepada mereka agar mereka solat bersama Nabi SAW. Begitu juga perintah tunaikanlah zakat juga merupakan perintah Allah SWT kepada mereka agar mereka menuaikan zakat, iaitu menyerahkannya kepada Nabi SAW zakat mereka. Dan akhir sekali firman Allah SWT yang menyuruh kaum Bani Israil untuk rukuk bersama dengan orang yang rukuk pula merupakan perintah Allah SWT kepada mereka agar melaksanakan solat berjemaah bersama dengan umat Muhammad SAW.

Ringkasnya, jadilah kamu bersama-sama mereka dan termasuk dalam kalangan golongan mereka, iaitu umat Islam. Menurut Ibn ‘Abbas bahawa perintah zakat dalam ayat ini ialah bermaksud taat dan ikhlas kepada Allah SWT, iaitu mengambil sempena makna bahasa zakat sebagai sucikanlah atau juga bermaksud iaitu harta yang wajib dizakati. Bagi al-Hasan pula bahawa suruhan berzakat dalam ayat ini bermaksud sebagai zakat yang fardu. Hal ini kerana tiada guna amal perbuatan seseorang Muslim tanpa zakat dan solat. Pendapat terakhir pula daripada al-Haris al-Akli bahawa suruhan zakat dalam ayat ini ialah zakat fitrah.

Seterusnya, perintah Allah SWT dalam ayat agar kaum Bani Israil rukuk bersama dengan orang rukuk boleh ditafsirkan sebagai “jadilah kamu bersama orang mukmin dalam amal perbuatan mereka yang paling baik, salah satunya dan paling khusus serta paling sempurna ialah solat dengan cara berjemaah (Ibn al-Kathir, 1999: 1/245).

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 44)

Wasiat seterusnya kepada Bani Israil agar mereka tidak menyuruh orang lain melakukan kebaikan tanpa mereka sendiri beramal dengan suruhan tersebut terlebih dahulu. Wasiat ini sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

أَتَأُمْرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَإِنْتُمْ تَتَلَوْنَ
الْكِتَابَ فَلَا تَعْقِلُونَ

Maksud: *Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?* (44).

(Surah *al-Baqarah*, 2: 44)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/246) menjelaskan tentang ayat ini dengan kenyataannya bahawa Allah SWT berfirman, “Apakah layak bagi kamu, hai orang ahli kitab, bila kamu memerintahkan manusia berbuat kebajikan yang merupakan intipati dari segala kebaikan, sedangkan kamu melupakan diri kamu sendiri dan kamu tidak melakukan apa yang kamu perintahkan kepada orang ramai untuk mengerjakannya, padahal selain itu kamu membaca kitab kamu dan mengetahui isi dalamnya dan akibat apa yang akan menimpa orang yang melalaikan perintah Allah SWT? Tidakkah kamu berakal memikirkan apa yang

kamu lakukan terhadap diri kamu sendiri, lalu kamu bangun dari tidur kamu dan melihat sesudah kamu buta?”

Pengertian tersebut diungkapkan Sayidina Qatadah dengan kenyataan bahawa pada mulanya kaum Bani Israil memerintahkan orang lain taat kepada Allah SWT, takwa kepadanya, dan mengerjakan kebajikan; kemudian mereka bersikap berbeza dengan apa yang mereka katakan itu, maka Allah SWT mengecam sikap mereka. Bagi Ibnu Jurairj, ayat ini menjelaskan bahawa ahli kitab dan orang munafik selalu memerintahkan orang lain untuk melakukan puasa dan solat, tetapi mereka sendiri tidak melakukan apa yang mereka perintahkan kepada orang untuk melakukannya. Maka Allah SWT mengecam perbuatan mereka itu. Hal ini disebabkan bahawa sepatutnya orang yang memerintahkan kepada suatu kebaikan, dia seharusnya paling beramal terhadap kebaikan tersebut dan paling terkehadapan dalam mengamalnya berbanding dengan orang yang disuruh.

Potongan ayat seterusnya yang bermaksud, “sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri” menurut Ibn ‘Abbas (t.th.: 1/8) bermasud meninggalkan diri kamu sendiri dalam kebajikan itu. Sedangkan firman Allah SWT pula yang bermaksud, padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal? Bermaksud iaitu kamu melarang manusia berbuat kekufuran atas dasar apa yang ada pada kamu, iaitu kenabian dan perjanjian dari kitab Taurat, sedangkan kamu meninggalkan diri kamu sendiri. Dengan kata lain, sedangkan kamu sendiri kafir terhadap apa yang terkandung dalam kitab Taurat yang dalamnya terdapat perjanjian-Ku yang harus kamu penuhi, iaitu percaya kepada Rasul-Ku. Ternyata kamu merusak perjanjian-Ku yang kamu sanggupi dan kamu mengingkari apa yang kamu ketahui dari Kitab-Ku. Terdapat juga riwayat lain daripada Ibn ‘Abbas tentang ayat yang bermaksud, “Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan” dengan maksud “Apakah kamu memerintahkan orang lain untuk masuk ke dalam agama Nabi Muhammad SAW dan lain-lainnya yang diperintahkan kepada kamu untuk melakukannya seperti mendirikan solat sedangkan kamu melupakan diri kamu sendiri?”

Sayidina Abu Darda pula menjelaskan maksud ayat, “Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah” sebagai merujuk kepada seseorang masih belum dapat dikatakan sebagai ahli fiqah yang sempurna sebelum dia membenci orang yang menentang Allah SWT. Sekiranya sesuatu hukum hakam yang dipelajari dirujukkan untuk dirinya sendiri, maka sikapnya terhadap dirinya sendiri jauh lebih keras untuk beramal dengan hukum tersebut dan berbanding terhadap orang lain.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/246) berkata, ‘Abd al-Rahman bin Zayd bin Aslam bahawa ayat yang bermaksud “Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?” dimaksudkan ialah Allah SWT mencela mereka atas perbuatan itu dan memperingatkan mereka akan kesalahannya yang menyangkut hak diri mereka sendiri; kerana mereka memerintahkan kepada kebaikan, sedangkan mereka sendiri tidak mengerjakannya. Bukanlah pengertian ayat ini dimaksud sebagai celaan terhadap mereka kerana mereka memerintahkan kepada kebaikan, sedangkan mereka sendiri tidak melakukannya, melainkan kerana mereka meninggalkan kebaikan itu sendiri. Mengingat amar makruf hukumnya wajib atas setiap orang alim, tetapi yang lebih diwajibkan bagi orang alim ialah melakukannya di samping memerintahkan orang lain untuk mengerjakannya, dan ia tidak boleh ketinggalan untuk melakukannya.

Perihalnya sama dengan apa yang dikatakan oleh Nabi Syu‘aib AS yang dipetik oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَمَا أَرِيدُ أَنْ أَخْالِفَكُمْ إِلَىٰ مَا آنْهَكُمْ عَنْهُ إِنَّ أَرِيدُ إِلَّا
 الْإِصْلَاحَ مَا أُسْتَطِعُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوْكِيدُ وَإِلَيْهِ
 أَنِيبُ (٨٨)

Maksud: (*patutkah aku berdiam diri dari melarang kamu*) sedang *aku tidak bertujuan hendak melakukan sesuatu yang aku melarang kamu daripada melakukannya? Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nyalah aku kembali.* (88)

(Surah Hud, 11: 88)

Melakukan amar makruf dan melakukan perbuatan makruf hukumnya wajib. Kedua-dua amar makruf dan melakukan perbuatan makruf tidak gugur kewajipan kerana tidak melakukan salah satunya. Demikianlah pendapat yang paling sahih dari kedua-dua golongan ulama, iaitu ulama Salaf dan ulama Khalaf.

Sebagian ulama menyatakan bahawa orang yang berbuat maksiat tidak boleh melarang orang lain untuk melakukannya. Namun pendapat ini dianggap sebagai pendapat yang lemah, dan lebih lemah lagi jika mereka memegang ayat ini (surah *al-Baqarah*, 2: 44) sebagai dalil mereka, kerana sesungguhnya tidak ada hujah bagi mereka dalam ayat ini. Pendapat yang sahih menyatakan bahawa orang yang alim harus memerintahkan amar makruf, sekalipun dia sendiri tidak mengerjakannya. Bahkan dia harus melarang perbuatan yang mungkar, sekalipun dia sendiri tidak mengerjakannya.

Malik ibn Rabi'ah menyatakan bahawa ia pernah mendengar Sa'id ibn Jubair berkata, "Seandainya seseorang tidak melakukan amar

makruf, tidak pula nahi munkar kerana diharuskan baginya bersih dari hal tersebut, nescaya tiada seorang pun yang melakukan amar makruf, tidak pula nahi munkar.” Malik berkata, “Dan memang benar, siapakah orangnya yang bersih dari kesalahan?”

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/246), orang alim yang meninggalkan amal ketaatan dan mengerjakan maksiat dianggap sangat tercela kerana dia melakukannya sedangkan dia mengetahui perkara tersebut. Hal ini berbeza dengan seseorang yang meninggalkan amal ketaatan dan mengerjakan maksiat sedangkan dia tidak mengetahui perkara tersebut. Oleh keran itulah, banyak hadis yang mengecam ulama seperti ini. Sebagai contoh hadis berikut (Al-Tabrani, 1994: 1681; Ibn Abi ‘Asim, 1991: 2314; Al-Shajari, 2001: 337; Ibn ‘Asakir, 1979: 9):

عَنْ جُنْدُبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَزْدِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
 «مَثُلُ الْعَالَمِ الَّذِي يُعَلِّمُ النَّاسَ الْخَيْرَ وَيَنْسَى نَفْسَهُ كَمَثَلِ
 السَّرَّاجِ يُضِيءُ لِلنَّاسِ وَيَحْرُقُ نَفْسَهُ».»

Maksud: *Jundub bin ‘Abdullah al-Azdiyy berkata, Rasulullah SAW bersabda, “Perumpamaan orang alim yang mengajarkan kebaikan kepada orang lain, sedangkan dia sendiri tidak mengamalkannya, sama dengan pelita; ia memberikan cahaya kepada orang lain, sedangkan dirinya sendiri terbakar.*

(Al-Tabrani, Ibn Abi ‘Asim, al-Shajari, dan Ibn ‘Asakir)

Hadis ini bila ditinjau dari sanad ini adalah sangat gharib. Namun hadis ini diperkuatkan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (2001: 12211) ini:

عَنْ أَنَّى بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَرَرْتُ لِيَلَةً أُسْرِيَ بِي عَلَى قَوْمٍ شِفَاهُمْ تُقْرَضُ بِمَقَارِيبِهِمْ مِنْ نَارٍ. قَالَ: قُلْتُ: مَنْ هُؤُلَاءِ؟،" قَالُوا: حُطَّبَاءُ مِنْ أَهْلِ الدُّنْيَا مِمَّنْ كَانُوا يَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْإِيمَانِ وَيَنْسَوْنَ أَنفُسَهُمْ، وَهُمْ يَتَلَوَّنُ الْكِتَابَ أَفَلَا يَعْقِلُونَ؟

Maksud: Anas ibn Malik RA yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: Di malam aku diisrakan, aku bersua dengan suatu kaum yang bibir mereka digunting dengan gunting api, lalu aku bertanya, “Siapakah mereka itu?” Mereka (para malaikat) menjawab, “Mereka adalah tukang ceramah umatmu di dunia, dalam kalangan orang yang memerintahkan orang lain untuk mengerjakan ketaatan, sedangkan mereka melupakan dirinya sendiri, padahal mereka membaca al-Quran. Maka tidakkah mereka berpikir?”

(Ahmad)

Hadis yang hampir sama makna dengan sedikit perbezaan matan, iaitu (Al-Bazzar, 2003: 9518):

عَنْ أَنَّى، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَرَرْتُ لِيَلَةً أُسْرِيَ بِي عَلَى أُنَاسٍ تُقْرَضُ شِفَاهُمْ وَأَسْنَاتُهُمْ بِمَقَارِيبِهِمْ مِنْ نَارٍ. قُلْتُ: مَنْ هُؤُلَاءِ يَا جِبْرِيلُ؟،" قَالَ: هُؤُلَاءِ حُطَّبَاءُ أُمَّتِكَ، الَّذِينَ يَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْإِيمَانِ وَيَنْسَوْنَ أَنفُسَهُمْ."

Maksud: Anas yang menceritakan bahawa dia pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Di malam aku diisrakan aku bersua dengan orang yang bibir dan lidah mereka digunting dengan gunting dari api, lalu aku bertanya, “Siapakah mereka itu, hai Jibril?” Jibril menjawab, “Mereka adalah tukang ceramah umatmu yang memerintahkan kepada orang lain untuk melakukan ketaatan, sedangkan mereka melupakan dirinya sendiri.”

(Al-Bazzar)

Dalam hadis yang lain pula dengan sedikit berberzaan antara diisrakan dengan dimikrajkan. Hadis tersebut seperti berikut (Al-Tabrani, 1995: 8223):

عَنْ أَنَّسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ لَمَّا عُرِجَ بِالنَّبِيِّ ﷺ، «مَرَّ عَلَى قَوْمٍ
تُقْرَضُ شِفَاهُهُمْ»، فَقَالَ: «يَا جِبْرِيلُ مَنْ هُؤُلَاءِ؟» قَالَ: هُؤُلَاءِ
الْخُطَّابَاءُ مِنْ أُمَّتِكَ، الَّذِينَ يَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالِّبْرِ، وَيَنْسَوْنَ
أَنفُسَهُمْ، وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا يَعْقِلُونَ".

Maksud: Anas bin Malik berkata, “Ketika Rasulullah SAW dibawa mikraj, beliau bersua dengan suatu kaum yang bibir mereka diguntingi, lalu beliau bertanya, “Hai Jibril, siapakah mereka itu?” Jibril menjawab, “Mereka adalah tukang khotbah dalam kalangan umatmu, mereka memerintahkan orang lain untuk mengerjakan kebajikan, sedangkan mereka melupakan dirinya sendiri. Maka tidakkah mereka berpikir?”

(Al-Tabrani)

Terdapat juga hadis yang terkuat dengan riwayat seperti berikut (Al-Bukhari, 2001: 3267; Muslim, t.th.: 2989):

عَنْ أَسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ، قَالَ: قِيلَ لَهُ: أَلَا تَدْخُلُ عَلَى عُثْمَانَ فَتُكَلِّمُهُ؟ فَقَالَ: أَتَرُونَ أَنِّي لَا أُكَلِّمُهُ إِلَّا أُسْمِعُكُمْ؟ وَاللَّهُ لَقَدْ كَلَمْتُهُ فِيمَا بَيْنِي وَبَيْنَهُ، مَا دُونَ أَنْ أَفْتَحَ أَمْرًا لَا أُحِبُّ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ فَتَحَهُ، وَلَا أَقُولُ لِأَحَدٍ، يَكُونُ عَلَيَّ أَمِيرًا: إِنَّهُ خَيْرُ النَّاسِ بَعْدَ مَا سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: "يُؤْتَى بِالرَّجُلِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَيُلْقَى فِي النَّارِ، فَتَنْدَلِقُ أَقْتَابُ بَطْنِهِ، فَيَدُورُ بِهَا كَمَا يَدُورُ الْحِمَارُ بِالرَّحْمِ، فَيَجْتَمِعُ إِلَيْهِ أَهْلُ النَّارِ، فَيَقُولُونَ: يَا فُلَانُ مَا لَكَ؟ أَلَمْ تَكُنْ تَأْمُرُ بِالْمَعْرُوفِ، وَتَنْهَى عَنِ الْمُنْكَرِ؟ فَيَقُولُ: بَلَى، قَدْ كُنْتُ آمُرُ بِالْمَعْرُوفِ وَلَا آتَيْهِ، وَأَنْهَى عَنِ الْمُنْكَرِ وَآتَيْهِ"

Maksud Usamah bin Zayd berkata, "Seseorang bertanya kepada beliau, "Mengapa engkau tidak berjumpa dan berbicara kepada Sayidina Usman?" Usamah menjawab, "Sesungguhnya kamu berpandangan bahawa tidak sekali-kali aku berbicara kepadanya melainkan aku akan memperdengarkannya kepada kamu. Sesungguhnya aku akan berbicara dengannya mengenai urusan antara aku dan dia tanpa menyinggung suatu perkara yang paling aku sukai bila diriku adalah orang pertama yang memulainya. Demi Allah SWT, aku tidak akan menyatakan kepada seorang pun bahawa engkau adalah sebaik-baik orang, sekalipun dia bagiku adalah sebagai amir, dan dia juga merupakan orang yang paling baik dalam kalangan manusia sesudah aku mendengar Rasulullah SAW bersabda." Kelak pada hari kiamat ada seorang lelaki yang didatangkan, lalu dicampakkan ke dalam

neraka, maka berhamburanlah isi perutnya, lalu berputar-putar seraya membawa isi perutnya ke dalam neraka sebagaimana keldai berputar dengan penggilingannya. Maka penghuni neraka mengelilinginya dan menyatakan, "Hai Fulan, apakah gerangan yang menimpaamu? Bukankah kamu dahulu memerintahkan kepada kami untuk berbuat yang makruf dan melarang kami dari perbuatan yang mungkar?" Lelaki itu menjawab, "Dahulu aku memerintahkan kamu kepada perkara yang makruf, tetapi aku sendiri tidak mengerjakannya; dan aku melarang kamu melakukan perbuatan yang mungkar, tetapi aku sendiri mengerjakannya."

(*Al-Bukhari* dan *Muslim*)

Terdapat juga riwayat yang yang menjelaskan (*Al-Bayhaqi*, 2003):

قَالَ أَحْمَدُ: حَدَّثَنَا سَيَّارُ بْنُ حَاتِمٍ، حَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ سُلَيْمَانَ
عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَّسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "إِنَّ اللَّهَ
يُعَافِي الْأُمَمَّيْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَا لَا يُعَافِي الْعُلَمَاءَ"

Maksud: *Imam Ahmad meriwayatkan, menceritakan kepada kami Sayyar ibn Hatim, menceritakan kepada kami Ja'far ibn Sulayman, dari Sabit, dari Anas yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: Sesungguhnya Allah SWT memaafkan orang yang ummi di hari kiamat dengan pemaafan yang tidak Dia lakukan terhadap ulama.*

(*Al-Bayhaqi*)

Terdapat juga dalam suatu asar dijelaskan bahawa Allah SWT memberikan keampunan bagi orang yang bodoh sebanyak tujuh puluh kali, sedangkan kepada orang yang alim cuma sekali sahaja. Tiadalah

orang yang tidak alim itu sama dengan orang yang alim. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Maksud: Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna. (9)

(Surah *al-Zumar*, 39: 9)

Selain itu, terdapat juga hadis lain yang mengecam ulama yang tidak mengamalkan apa yang diperintahkan sebagaimana hadis (Al-Tabrani, 1994: 405; 1995: 99):

عَنِ الْوَلِيدِ بْنِ عُقْبَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ أَنَا سَا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ يَتَظَلَّلُونَ إِلَى أَنَّاسٍ مِنْ أَهْلِ التَّارِ، فَيَقُولُونَ: بِمَا دَخَلْتُمُ التَّارَ؟ فَوَاللَّهِ مَا دَخَلْنَا الْجَنَّةَ إِلَّا بِمَا تَعْلَمْنَا مِنْكُمْ، فَيَقُولُونَ: إِنَّا كُنَّا نَقُولُ وَلَا نَفْعُلُ.»

Maksud: Al-Walid bin 'Uqbah berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya ada segolongan orang dalam kalangan penduduk syurga melihat segolongan orang dalam kalangan penduduk neraka, lalu mereka bertanya, "Apakah sebabnya hingga kamu masuk neraka? Padahal demi Allah, tiada yang memasukkan kami ke syurga kecuali

apa yang kami pelajari dari kamu.” Ahli neraka menjawab, “Sesungguhnya dahulu kami hanya berkata, tetapi tidak mengamalkannya.”

(Al-Tabrani)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/249), Ibn ‘Abbas sekali pernah didatangi oleh seorang lelaki, lalu lelaki itu berkata, “Hai Ibn ‘Abbas, sesungguhnya aku hendak melakukan amar makruf dan nahi munkar.” Ibn ‘Abbas bertanya, “Apakah kamu melakukannya?” Lelaki itu menjawab, “Aku baru mahu melakukannya.” Ibn ‘Abbas berkata, “Jika kamu tidak takut nanti akan dipermalukan oleh tiga ayat dari Kitabullah, maka lakukanlah.” Lelaki itu bertanya, “Apakah ayat tersebut?” Ibn ‘Abbas membacakan firman Allah SWT yang pertama dalam surah *al-Baqarah* (2: 44) dan bertanya, “Apakah engkau mampu melakukannya?” Lelaki itu menjawab, “Tidak.” Ibn ‘Abbas berkata, “Ayat yang kedua ialah firman-Nya dalam ayat *al-Shaff* (61: 2-3) lalu bertanya lagi, “Apakah kamu mampu melakukannya?” Lelaki itu menjawab, “Tidak.” Ibn ‘Abbas melanjutkan perkataannya, “Dan ayat yang ketiga ialah ucapan seorang hamba soleh, iaitu Nabi Syu'aib AS yang dipetik oleh Allah SWT dalam firman-Nya (surah Hud, 11: 88) dan bertanya, “Apakah kamu mampu melakukan apa yang terkandung dalam ayat ini?” Lelaki itu menjawab, “Tidak.” Maka Ibn ‘Abbas berkata, “Mulailah dari dirimu sendiri!”

Selain itu, terdapat juga hadis yang lain yang berkaitan kecaman terhadap ulama yang tidak mengamalkan apa yang diucapkannya, iaitu (Al-Tabrani, 1994: 13919):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "مَنْ دَعَا النَّاسَ إِلَى
قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ وَلَمْ يَعْمَلْ هُوَ بِهِ لَمْ يَزُلْ فِي ظَلَّ سُخْطِ اللَّهِ
حَتَّىٰ يَكْفَ أَوْ يَعْمَلَ مَا قَالَ، أَوْ دَعَا إِلَيْهِ".

Maksud: *Ibn Umar yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: "Barang siapa menyeru kepada orang lain untuk berucap atau beramal, sedangkan dia sendiri tidak mengamalkannya, maka ia terus-menerus berada di bawah naungan murka Allah SWT sebelum berhenti atau mengamalkan apa yang dia ucapkan atau mengamalkan apa yang dia serukan."*

(*Al-Tabrani*)

Ibrahim al-Nakha'i menyatakan, sesungguhnya dia benar-benar tidak menyukai untuk bercerita tentang tiga ayat ini (Surah *al-Baqarah*, 2: 44; surah al-Shaff: 2-3; & surah Hud, 11: 88).

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 45-46)

Allah SWT seterusnya memberi panduan kepada umat manusia sama Muslim dan ahli Kitab agar menjadikan kesabaran dan solat sebagai senjata ampuh ketika menghadapi kesulitan serta meyakini tentang pertemuan dengan Tuhan sebaik sahaja mereka mati. Firman Allah SWT:

وَاسْتَعِنُوا بِالصَّبَرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَشِينَ
۝ أَلَّذِينَ يَظْنُونَ أَنَّهُمْ مُلْقُوْرَبِيْهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَجِيْعُوْنَ ۝

Maksud: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan solat; dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali kepada orang yang khusuk; (45) (Iaitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya. (46)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 40-46)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/251) menjelaskan bahawa Allah SWT berfirman seraya memerintahkan hamba-Nya agar mereka dapat memperoleh kebaikan dunia dan akhirat yang mereka inginkan, iaitu dengan menjadikan sifat sabar dan solat sebagai penyelesaian kepada segala masalah dalam kehidupan. Demikian yang dikatakan oleh Muqatil ibn Hayyan dalam tafsir ayat ini dengan takwil maksud, “Minta tolonglah kamu untuk memperoleh kebaikan akhirat dengan cara menjadikan sabar dalam mengerjakan amal fardu dan solat sebagai sarananya.” Pengertian sabar dalam ayat ditafsirkan dengan beberapa makna antaranya:

- (1) Mujahid ialah puasa. Pandangan ini dipersetujuai oleh Imam Al-Qurtubi (2003: 1/371) dengan menyatakan bahawa kerana itu bulan Ramadan dinamakan, “bulan kesabaran” sama makna seperti yang disebutkan oleh hadis Nabi SAW berikut (Sufyan al-Thawri, 2004: 289):

عَنْ جُرَيِّ بْنِ كُلَيْبٍ، عَنْ رَجُلٍ مِنْ بَنِي سَلِيمٍ، عَنِ التَّمِيِّ
قَالَ: "الصَّوْمُ نِصْفُ الصَّبْرِ".

Maksud: *Jarayy ibn Kulayb, dari seorang lelaki Bani Salim menceritakan bahawa Nabi SAW pernah bersabda, “Puasa adalah separuh dari kesabaran.”*

(Sufyan al-Thawri)

- (2) Sayidina ‘Umar: Menahan diri daripada perbuatan maksiat. Hal ini kerana potongan ayat ini ditunjukkan dengan selepas kesabaran tersebut dengan melakukan ibadah dan ibadah solat pula merupakan ibadat tertinggi. Oleh kerana itu, ‘Umar ibn al-Khattab RA pernah menyatakan bahawa sabar itu ada dua macam, iaitu sabar ketika tertimpa musibah dan hal ini adalah baik. Kedua ialah dan lebih

baik daripada yang pertama ialah sabar terhadap hal yang diharamkan oleh Allah SWT.

- (3) Sa'id ibn Jubair: Sabar itu merupakan pengakuan seorang hamba kepada Allah SWT bahawa musibah yang menimpanya itu dari Allah SWT dengan mengharapkan reda-Nya dan pahala di sisi-Nya. Sekalipun adakalanya seseorang itu mengeluh, ia tetap kaut dan tidak terzahir daripada dirinya kecuali hanya sabar.”
- (4) Abu al-'Aliyah: Sabar dalam melakukan hal yang direndah oleh Allah SWT dan solat merupakan amal taat kepada Allah SWT.

Manakala maksud, “*dan mengerjakan solat*” (surah *al-Baqarah*, 2: 45) sebagai satu cara untuk memohon pertolongan kerana solat merupakan penolong yang paling besar untuk memperteguh diri dalam melakukan sesuatu perkara. Hal ini sebagaimana yang diungkapkan sendiri oleh Allah SWT dalam firman-Nya pada ayat yang lain:

اُتْلُ مَا اُوْحَىٰ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ
 الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرِ
 اللَّهِ أَكْبَرُ

Maksud: *Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya).*

(Surah *al-'Ankabut*, 29: 45)

Oleh kerana itulah Rasulullah SAW selalu menunjukkan contoh teladan dengan bersolat ketika menghadapi masalah sebagaimana hadis berikut (Abu Dawud, 2009: 1319):

عَنْ حُدَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا حَرَبَهُ أَمْرٌ، صَلَّى».

Maksud: *Huzaifah berkata, “Rasulullah SAW bila mengalami suatu perkara (ujian dan cubaan), maka baginda solat.*

(Abu Dawud)

Al-Mulla Ali al-Qari (2002: 1842) menjelaskan hadis ini dengan menyatakan bahawa Nabi SAW ketika menghadap saat getir dan mencemaskan Baginda akan bergegas menuju ke masjid dan melakukan solat. Hal ini sebagaimana ketika berlaku perperangan al-Ahzab yang dinyatakan dalam hadis berikut (Al-Marwazi, 1986: 212):

قَالَ حُدَيْفَةُ: رَجَعْتُ إِلَى النَّبِيِّ لَيْلَةَ الْأَحْزَابِ وَهُوَ مُشَتَّمٌ فِي شَمْلَةٍ يُصَلِّي، وَكَانَ إِذَا حَرَبَهُ أَمْرٌ صَلَّى.

Maksud: *Huzaifah menceritakan, “Aku kembali kepada Nabi SAW pada malam (perang) Ahzab, sedangkan Nabi SAW ketika itu menyelimuti dirinya dengan jubah tebal dalam keadaan melakukan solat. Dan beliau bila menghadapi suatu perkara (besar) selalu solat.*

(Al-Marwazi)

Hal yang sama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam perperangan Badar sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut (Ahmad, 2001: 1023):

عَنْ عَائِدٍ، قَالَ: مَا كَانَ فِينَا فَارِسٌ يَوْمَ بَدْرٍ غَيْرُ الْمِقْدَادِ وَلَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا فِينَا إِلَّا نَائِمٌ، إِلَّا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ تَحْتَ شَجَرَةِ يُصْلِي، وَيَبِيكِي، حَتَّىٰ أَصْبَحَ.

Maksud: Ali RA menceritakan, "Tidaklah kami seorangpun yang menunggang kuda pada hari peperangan Badar melainkan al-Miqdad. Sesungguhnya aku di malam Perang Badar melihat kami semua (pasukan kaum muslim) tiada seorang pun melainkan tertidur kecuali Rasulullah SAW di bawah sebatang pokok yang sedang solat dan menangis hingga ke subuh.

(Ahmad)

Imam Ibn Jarir (2001: 1/619) juga menjelaskan tentang satu peristiwa ketika Baginda Nabi SAW melihat sedang kesakitan di perutnya, baginda bertanya adakah beliau sedang sakit perut. Abu Hurayrah megyakan pertanyaan Rasulullah SAW tersebut. Lantas baginda bersabda:

"فُمْ فَصَلٌ فَإِنَّ الصَّلَاةَ شِفَاءٌ"

Maksud: Berdiri dan solatlah, kerana sesungguhnya solat itu adalah penawar (ubat penyembuh).

(Ibn Jarir)

Oleh kerana itu, Ibn 'Abbas mendapat berita sedih tentang kematian saudaranya yang bernama Qasim, sedangkan ketika itu ia dalam suatu perjalanan. Maka beliau mengucapkan kalimah *istirja'*, iaitu:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksud: *Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.*" (156)

Kemudian beliau menjauhi jalan tempat lalu lalang dan mengistirahatkan unta kendaraannya, lalu solat dua rakaat. Dalam solatnya itu ia melakukan duduk dalam waktu yang cukup lama, kemudian bangkit dan berjalan menuju unta kendaraannya, lalu membacakan firman-Nya dalam surah *al-Baqarah* (2: 45)

Ibn Juraij ketika menjelaskan firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan solat (Surah *al-Baqarah*, 2: 45)" menjelaskan bahawa kedua-dua perkara, iaitu sabar dan solat merupakan alat untuk seseorang memperoleh rahmat Allah SWT. Sedangkan kata ganti yang terkandung dalam firman-Nya menurut Mujahid, *In-naha* (إِنَّهَا) tersebut adalah kembali kepada solat, iaitu sesungguhnya solat itu berat kecuali bagi orang yang khusyuk. Dan pandangan ini dipersetujui oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1/619). Akan tetapi, terdapat pula pandangan lain yang menyatakan bahawa kata ganti ini kembali kepada kembali kepada apa yang ditunjukkan oleh konteks kalimat, iaitu wasiat akan hal tersebut. Perihalnya sama dengan firman Allah SWT dalam kisah Qarun, iaitu:

وَقَالَ الَّذِينَ أَتُوا الْعِلْمَ وَيَكْفُمُ تَوَابُ اللَّهِ حَيْرٌ لِّمَنْ
عَاهَدَ وَعَمِلَ صَلِحًا وَلَا يُلْقَنَّهَا إِلَّا الصَّابِرُونَ ﴿٨﴾

Maksud: *Dan berkata pula orang yang diberi ilmu (antara mereka), "Janganlah kamu berkata demikian, pahala dari Allah lebih baik bagi orang yang beriman dan beramal soleh; dan tidak akan dapat*

menerima (*pahala yang demikian*) itu melainkan orang yang sabar".
(80)

(Surah *al-Qasas*, 28: 80)

Hal yang sama juga berlaku dalam firman Allah SWT yang lain:

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ أَدْفَعَ بِالَّتِي هِيَ أَحَسَنُ
فَإِذَا الَّذِي يَبْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَوَةٌ كَانَ اللَّهُ وَلِيٌ حَمِيمٌ ۝ وَمَا
يُلْقَهَا إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَمَا يُلْقَهَا إِلَّا ذُو حَظٍ عَظِيمٍ ۝

Maksud: *Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahanatan yang ditujukan kehadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.* (34) *Dan sifat yang terpuji ini tidak dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang bersikap sabar, dan tidak juga dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang mempunyai bahagian yang besar dari kebahagiaan dunia dan akhirat.* (35)

(Surah *Fussilat*, 41: 34-35)

Maksudnya, tiada yang layak menerima wasiat ini kecuali orang yang sabar, dan tiada yang dianugerahi dan diilhaminya kecuali orang yang mempunyai keberuntungan yang besar. Berdasarkan kedua contoh ayat al-Quran ini, maka firman Allah SWT *In-naha (إِنَّهَا)* maka sesungguhnya hal itu benar-benar merupakan kesusahan yang besar kecuali bagi orang yang khusyuk. Perkataan *al-khasyi'in (الْخَشِيعِينَ)*,

iaitu orang yang khusyuk ini pula ditafsirkan dengan pelbagai tafsir antaranya:

- (1) Ibn ‘Abbas: Orang yang percaya kepada al-Kitab yang diturunkan oleh Allah SWT.
- (2) Mujahid: Orang yang benar-benar beriman.
- (3) Abu al-‘Aliyah: Orang yang takut.
- (4) Muqatil ibn Hayyan: Orang yang rendah diri.
- (5) Al-Dahhak: Orang yang tunduk, patuh, taat kepada-Nya, takut kepada pembalasan-Nya, serta percaya kepada janji dan ancaman-Nya. Pengertian yang terkandung dalam ayat yang mirip dengan apa yang disebutkan dalam salah satu hadis, iaitu (Al-Tirmidhi, 1998: 2616; Ibn Majah, 2009: 3973):

"لَقَدْ سَأَلْتَ عَنْ عَظِيمٍ، وَإِنَّهُ لَيَسِيرٌ عَلَى مَنْ يَسِرَهُ اللَّهُ عَلَيْهِ"

Maksud: Sesungguhnya engkau menanyakan sesuatu yang berat, dan sesungguhnya hal itu benar-benar mudah bagi orang yang dimudahkan oleh Allah SWT.

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Ringkasnya keseluruhan tafsiran ayat *al-Baqarah* (2: 45) menurut Imam Ibn Jarir (2001: 1/619) adalah seperti berikut:

Hai para ulama ahli kitab (Yahudi), jadikanlah sabar dalam menjalankan ketaatan kepada Allah SWT dan sebagai penolong kamu; dirikanlah solat kerana solat dapat mencegah diri dari perbuatan keji dan mungkar. Dekatkan dirimu kepada reda Allah SWT kerana hal tersebut merupakan sesuatu yang berat untuk dilaksanakannya kecuali bagi orang yang khusyuk, iaitu orang yang rendah diri, berpegang teguh kepada ketaatan, dan merasa hina kerana takut kepada-Nya.

Demikian tafsiran ayat menurut Imam Ibn Jarir. Namun menurut Imam Ibn Kathir, ayat ini pada lahiriah memang ditujukan kepada ahli daripada kaum Bani Israil, tetapi maksud yang dikehendaki adalah ditujukan kepada pengertiannya umum mencakup juga kepada umat manusia dan umat Islam.

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/254) menyambung tafsiran ayat dalam firman Allah SWT berikut:

الَّذِينَ يَظْنُونَ أَنَّهُمْ مُلْقُوْرِبِيْهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ ﴿٤٦﴾

Maksud (*Iaitu*) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, (46)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 46)

Ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/254) sebagai melengkapkan makna yang terkandung pada ayat sebelumnya yang ada menyatakan bahawa solat atau wasiat ini benar-benar berat kecuali bagi orang yang khusyuk, iaitu orang yang meyakini bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka. Mereka meyakini bahawa mereka pasti akan dihimpun dan dihadapkan Allah SWT pada hari kiamat kelak. Sedangkan potongan ayat yang bermaksud, “dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya (Surah *al-Baqarah*, 2: 46)” merujuk kepada semua urusan mereka kembali kepada kehendak-Nya. Dia memutuskannya menurut apa yang dikehendaki-Nya dengan adil. Mengingatkan mereka untuk percaya dan yakin kepada adanya hari kemudian dan hari pembalasan, maka mudahlah bagi mereka melakukan amal ketaatan dan meninggalkan hal yang mungkin.

Imam Ibn Jarir (2001: 1/623) ketika menghuraikan ayat yang bermaksud, (*Iaitu*) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka (Surah *al-Baqarah*, 2: 46) dengan kenyataan bahawa orang Arab itu adakalanya mereka menamakan

al-yaqin (الْيَقِين) dengan sebutan *zan* (ظنّ), dan *syak* (راغ) dengan sebutan *zan* (ظنّ) juga. Perihalnya sama dengan istilah *zulmah* (الظلمة), iaitu kegelapan dengan *sudfah* (سُدْفَة), dan *diya* (الضياء), iaitu juga terang disebut pula *sudfah*; serta *al-mugis* (وَالْمُغِيْث), iaitu penolong disebut *sarikh* (صَارِخ), *penjerit*, dan *mustagis* (الْمُسْتَغِيْث), orang yang minta tolong disebut pula dengan istilah *صَارِخ*). Berdasarkan ini Imam Ibn Jarir berkata, “aku anggap perkara yang yakin sebagai perkara ghaib berdasarkan dugaan belaka. bukti tersebut dapat diambil dari syair orang Arab dan pembicaraan mereka. Hal tersebut menunjukkan bahawa lafaz *zan* (dugaan) banyak dipakai dalam kalangan mereka untuk menunjukkan pengertian yakin dalam jumlah yang tak terhitung banyaknya. Dan keterangan yang kami sebutkan di atas sudah cukup bagi orang yang diberi taufik untuk memahaminya; di antaranya ada pula firman Allah SWT:

وَرَءَاءَ الْمُجْرِمُونَ النَّارَ فَلَمْ يَأْنُوا إِنَّهُمْ مُّوَاقِعُوهَا

Maksud: *Dan orang yang berdosa itu tetap akan melihat neraka, maka yakinlah mereka, bahawa mereka akan jatuh ke dalamnya*

(Surah *al-Kahfi*, 18: 53)

Kemudian ibn Jarir meriwayatkan kata-kata Mujahid yang menyatakan bahawa semua lafaz *zan* yang ada dalam al-Quran menunjukkan makna yakin, misalnya *zanantu* dan *zannu*, iaitu aku yakin dan mereka yakin. Makna ini juga disokong oleh Abu Ja‘far Al-Razi (1999) meriwayatkan kata-kata Abu al-‘Aliyah bahawa lafaz *zan* dalam ayat surah *al-Baqarah* (2: 46) menunjukkan makna yakin.

Ibn Juraij berkata bahawa perkataan *zann* sebagai menunjukkan makna yakin dalam ayat ini membawa maksud mereka yakin bahawa mereka pasti akan menemui Tuhan mereka. Perihalnya sama dengan makna yang terdapat pada ayat lain, iaitu firman-Nya:

إِنِّيْ ظَنَنْتُ أَنِّيْ مُلَقِّ حِسَابِيَّةً ﴿٦﴾

Maksud: Sesungguhnya aku mengetahui dengan yakin, bahawa aku akan menghadapi hitungan amalku (pada hari yang ditentukan)!

(Surah al-Haqqah, 69: 20)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/254) menjelaskan tentang penggunaan kalimah *zann* sebagai yakin terdapat juga dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA dengan sabda Baginda SAW (Ibn Hibban, 1988: 7445):

أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: أَلَمْ أَرَوْ جُنَاحَكَ، أَلَمْ أُكْرِمْكَ، أَلَمْ أَسْخِرْ لَكَ الْحُنْيَلَ وَالْأَعْبَلَ، وَأَذْرَكَ تَرَأْسَ وَتَرَبَّعَ؟ فَيَقُولُ: بَلَى. فَيَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: أَفَظَنَنْتَ أَنَّكَ مُلَاقِيَّ؟ فَيَقُولُ: لَا. فَيَقُولُ اللَّهُ: الْيَوْمُ أَنْسَاكَ كَمَا نَسِيَّتِي.

Maksud: Bahawa di hari kiamat kelak Allah SWT berfirman kepada seorang hamba: "Bukankah Aku mengawinkanmu, bukankah Aku memuliakanmu, bukankah Aku menundukkan bagimu kuda dan unta, dan Aku biarkan kamu memimpin dan berkuasa?" Hamba itu berkata, "Memang benar." Allah SWT berfirman, "Apakah engkau menyakini bahawa engkau akan menemui-Ku?" Hamba tersebut menjawab, "Tidak." Maka Allah SWT berfirman, "Pada hari ini Aku melupakanmu seperti kamu dahulu melupakan-Ku."

(Ibn Hibban)

Jelas dalam hadis ini perkataan *zann* digunakan bagi menunjukkan perkataan yakin sebagaimana perbincangan tentang tafsir zann dalam ayat.

PENGAJARAN AYAT

Berdasarkan ayat terdapat beberapa pengajaran yang ditujukan oleh Allah SWT buat kaum Bani Israil dengan secara tidak langsung juga ditujukan kepada umat Islam dalam kalangan para ulama, iaitu

Perintah Allah SWT kepada Bani Israil untuk memeluk Islam

Kaum Bani Israil, iaitu daripada semua yang asalnya daripada keturunan Nabi Ya'qub AS (Ahmad, 2001: 2514) dituntut untuk mengambil ingatan terhadap ingatan Allah SWT tentang pelbagai nikmat yang Allah SWT berikan kepada mereka ketika era penurunan kitab al-Taurat dengan empat nikmat terbesar, iaitu diberikan makanan yang dinamakan sebagai *manna* dan *salwa* daripada langit, pancuran air yang terbit daripada batu, dan keselamatan daripada bala tenteranya firaun (*al-Baqarah*, 2: 40; Ibn al-Kathir, 1999: 1/242), serta diutuskan daripada keturunan mereka banyak Nabi dan Rasul (surah *al-Ma'idah*, 5: 20).

Semua nikmat ini disebutkan supaya kaum Bani Israil mengingatinya dan bersyukur, serta menunaikan janji mereka kepada Allah SWT dan mentaati perintah-Nya khususnya yang berkaitan dengan kedatangan Nabi Muhammad SAW untuk mereka beriman dan memeluk Islam (surah *al-Ma'idah*, 5: 12; Ibn al-Kathir, 1999: 1/241; al-Razi, 1999: 3/474; Ibn Jarir, 2001: 1/600). Hanya dengan cara ini sahaja Bani Israil ketika era Nabi Muhammad SAW hingga ke hari kiamat yang membolehkan mereka mendapat kembali keredaan Allah SWT dan masuk ke syurga, jika tidak, mereka akan mendapat kutukan, kemurkaan dan azab yang akan menanti sebaik sahaja mereka mati (surah *al-Baqarah*, 2: 40).

Perintah Allah SWT untuk Tidak Menjual Agama dengan Harta Dunia

Kaum Bani Israil dan umat Islam diingatkan dan mengamalkan perintah Allah SWT agar tidak menjual agama untuk keuntungan dunia mereka. Hal ini disebabkan dunia ini adalah tidak berharga di sisi Allah SWT berbanding dengan janji pahala dan syurga yang bersifat kekal lagi besar balasan, dan sangat lumayan. Menjual agama bermaksud memilih jalan menjadi kafir untuk mendapatkan kesenangan dunia (Ibn al-Kathir, 1999: 1/243), mengambil upah mengajar agama (Ibn al-Kathir, 1999: 1/243; Abu Dawud, 2009: 3664, 3416; Ibn Majah, 2009: 252, 2157), mencampuradukkan perkara yang hak dan yang batil (surah *al-Baqarah*, 2: 42; Ibn 'Abbas, t.th.: 1/8); menyembunyikan perkara yang hak dan menzahirkan perkara yang batil untuk mengembirakan pengikut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/243, 245; Surah *al-Baqarah*, 2: 42).

Namun upah kerana mengajar agama atau al-Quran kepada orang ramai dibolehkan untuk mengambilnya sekiranya seseorang tidak mendapat gaji daripada baitulmal (Al-Bukhari, 2001: 5737: Al-Bukhari, 2001: 5029).

Perintah Allah SWT untuk Mendirikan Solat, Bersolat Secara Berjemaah, dan Menunaikan Zakat

Kaum Bani Israil dan umat Islam mengambil ingatan dan melaksanakan perintah Allah SWT untuk bersolat, bersolat secara berjemaah, dan menunaikan zakat harta dan zakat fitrah (surah *al-Baqarah*, 2: 43; Ibn al-Kathir, 1999: 1/245).

Perintah Allah SWT untuk Mengamalkan Sesuatu Perintah Sebelum Menyuruh Orang Ramai Melakukannya

Kaum Bani Israil dan umat Islam di suruh untuk mengamalkan terlebih dahulu sesuatu perkara yang mereka perintah dan dakwahkan kepada orang ramai untuk melakukannya dan meninggalkan terlebih dahulu

sesuatu larangan yang dilarang kepada orang ramai (surah *al-Baqarah*, 2: 44; Ibn al-Kathir, 1999: 1/246; Ibn ‘Abbas, t.th.: 1/8; surah Hud, 11: 88). Orang yang melakukan sebaliknya tetap juga wajib membuat amar makruf dan nahi mungkar (Ibn al-Kathir, 1999: 1/246; Al-Tabrani, 1994: 1681; Ibn Abi ‘Asim, 1991: 2314; Al-Shajari, 2001: 337; Ibn ‘Asakir, 1979: 9; surah *al-Shaff*, 61: 2-3). Namun mereka tergolong dalam golongan orang yang sangat keji dan dimurkai (Al-Tabrani, 1994: 13919) sekalipun dianggap seperti lilin yang membakar dirinya untuk menerangi orang lain (Al-Tabrani, 1994: 1681; Ibn Abi ‘Asim, 1991: 2314; Al-Shajari, 2001: 337; Ibn ‘Asakir, 1979: 9), digambarkan siksaan digunting bibir dan mulut (Ahmad, 2001: 12211; Al-Bazzar, 2003: 9518; Al-Tabrani, 1995: 8223), sukar diampuni dosa (Al-Bayhaqi, 2003) di akhirat di sisi Allah SWT berbanding dengan orang yang jahil, dan diazab dalam neraka (Al-Bukhari, 2001: 3267; Muslim, t.th.: 2989; Al-Tabrani, 1994: 405; 1995: 99) disebabkan pengetahuan yang mereka ada (Ibn ‘Abbas, t.th.: 1/8; Surah al-Zumar, 39: 9).

Perintah untuk Bersabar dan Melaksanakan Solat

Kaum Bani Israil dan umat Islam wajib mengambil ingatan untuk sentiasa bersabar dan melaksanakan solat. Bersabar bermakna melaksanakan puasa dan adabnya dengan penuh kesabaran; menahan diri daripada perbuatan maksiat; sabar terhadap musibah; sabar dengan tingkah laku seseorang terhadap diri (surah *Fussilat*, 41: 34-35); dan sabar dalam beramal secara istiqamah (Al-Qurtubi, 2003: 1/371; Sufyan al-Thawri, 2004: 289 ; Surah *al-Qasas*, 28: 80). Sedangkan kedudukan solat pula merupakan amal kebaikan yang tertinggi dalam Islam yang umatnya perlu bersabar melaksanakannya dengan khusyuk. Hal ini kerana mendirikan solat merupakan perkara yang berat melainkan jika seseorang sudah khusyuk mengerjakannya (surah *al-Baqarah*, 2: 45; surah al-‘Ankabut, 29: 45; Ibn Jarir, 2001: 1/619; Ibn al-Kathir, 1999: 1/254). Sedangkan solat tersebut merupakan benteng ampuh

kepada seseorang daripada kejahanan dalaman dan luaran (Surah al-'Ankabut, 29: 45; Ibn Jarir, 2001: 1/619).

Tuntutan untuk bersolat lebih-lebih lagi penting ketika seseorang ditimpa musibah (Abu Dawud, 2009: 1319; Al-Marwazi, 1986: 212), mengalami kesakitan (Ibn Jarir, 2001: 1/619), dan sangat dituntut untuk sebelum atau selepas solat untuk mengucapkan kalimah istirja' (Ahmad, 2001: 1023; Surah *al-Baqarah*, 2: 156).

Perintah untuk Solat dengan Khusyuk

Kaum Bani Israil, umat Islam, dan umat manusia mesti memahami, menghayati, dan mengamalkan kekhusukan dalam solat mereka. Hal ini kerana khusyuk dalam solat bermakna seseorang seseorang sudah mencapai keimanan terhadap al-Quran, menjadi orang yang benar-benar beriman khususnya keimanan dalam pertemuan dengan Allah SWT, orang yang benar-benar takut kepada Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 46), orang yang sangat merendah diri kepada-Nya, serta menjadi orang yang tunduk, patuh, taat kepada-Nya, takut kepada pembalasan-Nya, serta percaya kepada janji dan ancaman-Nya (Al-Tirmidhi, 1998: 2616; Ibn Majah, 2009: 3973).

RUMUSAN

Kertas kerja ini membincangkan tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 40-44) secara detail dan mengambil empat pengajaran daripada perbincangan tafsiran ayat tersebut, iaitu tentang perintah Allah SWT kepada Bani Israil untuk memeluk Islam, tidak menjual agama dengan harta dunia, serta bersolat secara berjemaah dan menunaikan zakat, serta mengamalkan sesuatu perintah sebelum menyuruh orang ramai melakukannya.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu‘aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu‘ay al-Arna‘ut & ‘Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu‘assah al-Risalah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*. Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2003. *Al-Bahr al-Zikhar al-Ma‘Ruf bi Masnад al-Bazzar*. Al-Mosul: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanabi wa Ayyamabi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Marwazi, Muhammad. 1986. *Ta‘zim Qadr al-Solah*. ‘Abd Al-Rahman ‘Abd Al-Jabbar Al-Fariwa‘i (Ed.). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Dar.
- Al-Mulla Ali al-Qari, ‘Ali. 2002. *Mirqat al-Mafatih Sharh Miskat al-Masabih*. Jld. 1-9. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami‘ bayan al-ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad ‘Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.

- Al-Shajari, Yahya al-Murshid Billah. 2001. *Tartib al-Amali al-Khamisiyyah li al-Shajari*. Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il (Ed.). Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tirmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Ilmiyah.
- Ibn 'Asakir, 'Ali al-Hasan. 1979. *Zamm Man la Ya'mal bi 'Ilmihi*. Muhammad Muti' al-Hafiz (Ed.). Damshiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Abi 'Asim, Abu Bakr. 1991. *Al-Ahad wa al-Mathani*. Basam Faysal Ahmad al-Jawabirah (Ed.). Jld. 1-6. Al-Riyad: Dar al-Rayat.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Hibban, Muhammad. 1988. *Al-Ihsan fi Taqrib Sahih ibn Hibban*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Jld. 1-18. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu‘ayb Al-Arna’ut, ‘Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & ‘Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Persetujuan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Kertas Kerja dalam Siri 10: Program Budaya al-Quran, 25hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas Kerja dalam Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sufyan al-Thawri, Sa'id. 2004. *Min Hadiht al-Imam Sufyan bin Sa'id al-Thawri*. 'Amir Hasan Sabri (Ed.). T.T.: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.

INDEKS

- Abu Dawud*, 12, 13, 32, 43
Adam AS, 1
Ahmad, 4, 12, 22, 23, 26, 32,
 33, 40, 42, 43, 45, 46
al-'Ankabut, 31, 43
al-Baqarah, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8,
 9, 10, 14, 15, 16, 17, 18,
 21, 28, 29, 31, 34, 36, 37,
 38, 40, 41, 42, 43, 44, 47
Al-Bayhaqi, 26, 42, 45
Al-Bazzar, 23, 24, 42, 45
Al-Bukhari, 12, 13, 24, 26,
 41, 42, 45
al-Haqqah, 39
al-Kahf, 38
 Allah SWT, 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9,
 10, 11, 13, 14, 15, 16, 17,
 18, 19, 20, 25, 26, 28, 29,
 30, 31, 34, 35, 36, 37, 38,
 39, 40, 41, 42, 43, 44, 47
al-Ma'idah, 5, 7, 40
Al-Marwazi, 32, 43, 45
al-Qasas, 35, 42
 al-Quran, i, vi, 2, 3, 8, 9, 10,
 13, 15, 23, 36, 38, 41, 43,
 45, 46, 47, 50
al-Shajari, 22, 46
Al-Tabrani, 22, 24, 27, 28,
 29, 42, 46
Al-Tirmidhi, 36, 43, 46
al-Zumar, 27, 42
 Bani Israil, i, iv, 1, 2, 3, 4, 5,
 7, 9, 10, 16, 17, 18, 19, 37,
 40, 41, 42, 43, 44, 47
 Firaun, 5, 6
Fussilat, 35, 42
 Hud, 21, 28, 29, 42
 Iblis, 1, 47
Ibn 'Asakir, 22, 42, 46
Ibn Abi 'Asim, 22, 42, 46
Ibn Hibban, 39, 40, 46
Ibn Jarir, 9, 33, 34, 36, 37,
 38, 40, 43, 46
Ibn Majah, 11, 12, 13, 36, 41,
 43, 47
 Islam, 50
istirja', 33, 43
 kitab, 1, 3, 5, 7, 8, 10, 11, 15,
 17, 18, 19, 36, 40
 Kitab Allah, 2, 13, 18, 19, 20
Muslim, 17, 24, 26, 29, 42,
 47, 50
 nikmat, 1, 2, 3, 5, 6, 40
 perjanjian, 2, 3, 6, 7, 19

solat, 1, 2, 7, 17, 18, 19, 29,
30, 31, 32, 33, 34, 36, 37,
42, 43

Sufyan al-Thawri, 30, 42, 47

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.


Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran Siri 8

Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah *al-Baqarah* (2: 40-46)

Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46) Siri 8 ini merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT mewasiatkan beberapa perkara kepada kaum Bani Israil dalam rangka hubungan mereka dengan Nabi Muhamad SAW, Islam, dan umat Islam. Artikel ini cuba menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 40-46) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat beberapa wasiat Allah SWT kepada Kaum Bani Israil dari segi tuntutan mereka untuk memenuhi janji mereka untuk berpegang teguh kepada Kitab Taurat yang menyuruh mereka beriman kepada Nabi Muhammad dan memeluk Islam, mengerjakan solat, mengeluarkan zakat, bersolat berjemaah, dan mengamalkan terlebih dahulu semua perkara yang diajar dan didakwahkan kepada orang ramai, memohon pertolongan dengan sabar dan solat, serta menyakini untuk bertemu dengan Allah SWT selepas kematian. Semua perintah ini juga sebagaimana yang dilakukan oleh Islam yang mereka juga dituntut untuk melakukan perkara yang sama. Hanya dengan melakukan perkara ini sahaja kaum Bani Israil akan mendapat keampunan, keredaan, dan balasan syurga, jika tidak mereka akan mendapat lagnat, kemurkaan, dan siksaan yang kekal abadi dalam neraka.



ISBN 978-967-2171-76-8



9 789672 171768